

Mesyuarat dua hala antara Malaysia, Singapura

Isu air dibangkitkan - Tun M

UTUSAN MALAYSIA 13/11/2018 M/S 06

■ SINGAPURA 12 NOV.


PERJANJIAN air 1962 adalah satu daripada perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat dua hala antara Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dan rakan sejawatan beliau dari Singapura, Lee Hsien Loong, hari ini.

“Kami membangkitkan beberapa isu sebelum ini yang dianggap sebagai kontroversi,” kata Dr. Mahathir kepada wartawan di Majlis Minum Petang Bersama Diaspora Malaysia di sini.

“Saya berpendapat saya perlu menyatakan pendirian kita tentang perkara itu. Saya rasa dari setiap segi, beliau (Lee) agak mudah berurusan. Beliau mendengar pandangan saya dan saya rasa beliau lebih bersikap terbuka untuk membincangkan perkara ini berbanding sebelum ini.

Sebelum ini, mereka hanya menolak semua usaha untuk mengadakan perbincangan semula,” katanya.

Ketika diminta mengulas sama ada Singapura bersetuju untuk menyemak semula harga



DR. MAHATHIR MOHAMAD bersalam dengan Lee Hsien Loong dalam mesyuarat dua hala antara Malaysia dan Singapura ketika melakukan lawatan rasmi ke negara itu di The Istana, Singapura, semalam. - BERNAMA

semasa, beliau berkata: “Mereka tidak menyatakan bahawa mereka bersetuju, tetapi sekurang-kurangnya mereka kelihatan bersedia untuk menyatakan

pandangan mereka dan bagi kami untuk menyatakan pandangan kami.”

Mengenai langkah berikutnya, Perdana Menteri menegas-

kan beberapa pegawai akan bertemu dan berbincang.

Isu berkaitan perjanjian itu muncul kembali pada pertengahan tahun ini apabila Dr. Mahathir mengkritik harga air mentah yang dijual kepada Singapura sebagai ‘tidak masuk akal’ dan beliau ber-cadang untuk merundingkan semula terma perjanjian itu.

Perjanjian air itu, yang berakhir pada 2061, memberi hak kepada Singapura untuk mendapatkan sehingga 250 juta gelen sehari (mgd) air mentah dari Sungai Johor.

Singapura membayar 3.0 sen bagi setiap 1,000 gelen air mentah, dan menjual semula air terawat kepada Johor pada harga 50 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Johor sementara itu memperoleh bekalan harian air terawat sehingga 2.0 peratus atau 5.0 mgd air yang dibekalkan kepada republik ini.

Menurut Perdana Menteri, satu lagi isu yang dibincangkan adalah tentang ‘Central Provident Fund’, bagaimanapun beliau tidak mengulas lanjut. - BERNAMA